

09 JUL 1998

Komanwel-Polis

POLIS TRAFIK SIAP SEDIA UNTUK PERASMIAN KOMPLEKS SUKAN

KUALA LUMPUR, 9 Julai (Bernama) -- Sejumlah 66,000 orang dengan 15,000 kenderaan sendiri dijangka akan hadir menyaksikan upacara pembukaan rasmi Kompleks Sukan Negara di Bukit Jalil, Sabtu ini.

Timbalan Pengarah Keselamatan Dalam Negeri dan Ketenteraman Awam, SAC II Dell Akbar Khan menggesa pemandu kenderaan berkenaan mematuhi arahan polis melalui papan tanda yang dipasang bagi kemudahan mereka.

Pemandu kenderaan berkenaan tidak dibenar memasuki tempat letak kereta Stadium Bukit Jalil kerana hanya kenderaan yang mempunyai pelekat khas dibenar meletak kereta di situ, kata beliau pada sidang akhbar di Bukit Aman, di sini, hari ini.

Dua pusat meletak kereta sepanjang Lebuhraya Sungai Besi, di Taman Teknologi Malaysia, sebelum ini dikenali sebagai kem tahanan Vietnam dan Kelab Lumba Kuda Selangor akan dijadikan sebagai tempat meletak kereta untuk orang ramai.

Mereka yang meletak kereta di Taman Teknologi cuma mengambil masa tujuh minit berjalan kaki ke stadium, manakala bas akan disediakan untuk mereka yang meletak kereta di kelab lumba kuda.

Kata Dell beberapa jalan raya dekat Sri Kembangan dan Sri Petaling akan ditutup dan dijadikan jalan satu hala.

Bagi pemandu kenderaan dari Kuala Lumpur yang mahu meletak kereta di Taman Teknologi, dikehendaki membuat pusingan di persimpangan Hotel Mint menuju ke arah Sri Kembangan sebelum memasuki semula Lebuhraya Sungai Besi.

Pemandu dari Petaling Jaya dan Shah Alam yang bercadang menggunakan Lebuhraya Keras dinasihatkan menggunakan jalan keluar ke Sri Petaling menuju ke selatan arah ke Hotel Mint.

Mereka dari selatan tidak akan menghadapi masalah trafik jika meletak kereta di Taman Teknologi, begitu juga bagi mereka dari utara yang hendak meletak kereta di Kelab Lumba Kuda.

Sejumlah 803 anggota polis termasuk polis trafik akan ditugaskan pada hari pembukaan kompleks itu yang akan dilakukan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad jam 8 malam, Sabtu ini.

Dell menasihatkan orang ramai supaya datang awal bagi mengelak kesesakan lalu lintas yang mungkin berlaku.

-- BERNAMA YBK ZB